

**PENGGUNAAN TEKNIK BER CERITA UNTUK MENINGKATKAN MINAT DAN
KEFAHAMAN MURID TAHUN DUA TERHADAP
TOPIK CAHAYA DI KUCHING**

Alan Bong Chung Leong
Dr. Tan Ming Tang
Jabatan Sains IPG Kampus Batu Lintang, Sarawak
alabong2@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini bertujuan untuk meninjau kesan penggunaan teknik bercerita terhadap minat dan kefahaman tiga orang murid Tahun Dua dalam topik Cahaya. Data dalam penyelidikan tindakan ini dikumpulkan melalui keadah pemerhatian (gambar), nota lapangan, temu bual dengan murid, ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan. Data dianalisis melalui kaedah analisis kandungan dan deskriptif. Penyemakan data dilakukan dengan menggunakan triangulasi kaedah, masa dan sumber untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknik bercerita dapat meningkatkan minat dan kefahaman murid dalam topik Cahaya.

Kata kunci: teknik bercerita, Sains Tahun Dua, minat, kefahaman

ABSTRACT

This action research was conducted to investigate the effect of using storytelling on the interest and understanding of three Year Two students in the teaching topic of Light. The data of this study were collected by using observation (photos), field notes, interviews, early achievement test and intervention. The data were analysed by using content analysis and descriptive analysis. Method, time and resource triangulations were used in checking data to enhance the validity and reliability of the findings of this study. The results of the study showed that the use of storytelling method was effective in increasing students' interest and understanding in learning the topic of Light.

Keywords: storytelling method, Year Two Science, interest, understanding

PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, Sains dan Teknologi memainkan peranan yang penting dalam melahirkan masyarakat saintifik, kreatif dan inovatif. Bagi memenuhi keperluan ini, para guru Sains memegang tanggungjawab yang berat untuk melahirkan generasi muda yang berpengetahuan dan berkemahiran saintifik supaya mereka dapat menangani perubahan yang berlaku dalam kehidupan yang semakin berteraskan kepada Sains dan Teknologi demi meningkatkan mutu kehidupan manusia (Aziz Nordin dan Lin, 2011). Justeru, perkara ini menjadi satu cabaran bagi seseorang guru Sains untuk memastikan setiap murid mempunyai sikap ingin tahu dan berminat terhadap mata pelajaran Dunia Sains dan Teknologi.

Saya merupakan seorang guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ambilan Jun 2014 dalam bidang Sains Pendidikan Rendah di Institut Pendidikan Batu Lintang. Semasa Praktikum Fasa Pertama dan Kedua, saya diamanahkan untuk mengajar subjek Dunia Sains dan Teknologi bagi murid Tahun Dua. Sepanjang menjalankan praktikum, saya mendapati tidak mudah untuk mengekalkan tumpuan murid dan memenuhi kehendak semua murid terhadap proses PdP yang dijalankan jika teknik yang guru gunakan tidak disukai oleh murid.

Menurut Min (2010), perbezaan individu ialah kelainan-kelainan yang terdapat pada seseorang manusia dari segi sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkah laku, sosial atau bakat dan aspek-aspek yang lain. Oleh itu, kadang-kala sesuatu kaedah atau teknik pengajaran yang guru sediakan hanya sesuai untuk sebilangan murid sahaja dan perkara ini telah menjadi satu cabaran yang amat besar untuk guru mencari satu penyelesaian yang sememangnya boleh memenuhi semua keperluan murid. Justeru, masalah ini haruslah diselesaikan dengan secepat mungkin kerana jika seseorang murid tidak berminat dalam PdP guru ia bukan sahaja menghapuskan minat murid untuk belajar maka juga akan menjejaskan prestasinya dalam keputusan akademik.

Bagi membantu menyelesaikan masalah ini, saya terdorong untuk menjalankan kajian tindakan untuk meningkatkan minat dan kefahaman murid dalam Sains dengan menggunakan teknik bercerita. Saya percaya dan yakin teknik bercerita ini akan dapat memberi motivasi dan keyakinan kepada murid dan seterusnya dapat meningkatkan minat dan kefahaman mereka dalam subjek Sains.

Pengumpulan Data Awal

Dalam bahagian pengumpulan data awal, saya telah menggunakan empat keadah iaitu pemerhatian (gambar), temu bual dengan murid, nota lapangan dan ujian awal pencapaian. Merujuk kepada pemerhatian saya, saya telah mengenalpasti ketiga-tiga peserta kajian memang kurang berminat terhadap PdP saya. Mereka tidak memberi perhatian terhadap pengajaran saya dan langsung tidak memberi respon kepada saya semasa sesi soal jawab.

Seterusnya, melalui sesi temu bual didapati ketiga-tiga peserta kajian tidak berminat terhadap PdP saya semasa menggunakan *powerpoint* untuk mengajar dan mereka juga masih tidak dapat menguasai konsep cahaya dengan baik. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat menjawab soalan dengan betul apabila saya

memberi ketiga-tiga peserta kajian menjalankan ujian awal pencapaian. Oleh itu, markah yang mereka dapati adalah kurang daripada 5/12 (41.67%). Jadual 1 merupakan jumlah markah ujian awal pencapaian bagi ketiga-tiga peserta kajian saya.

Jadual 1

Markah ujian awal pencapaian bagi ketiga-tiga peserta kajian.

Peserta Kajian	Markah Diperolehi
Murid A	3/12
Murid B	4/12
Murid C	2/12

Selain itu, merujuk kepada nota lapangan yang dicatat oleh guru pembimbing saya juga menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian tidak berminat untuk belajar subjek Sains serta masih lemah dalam menguasai konsep cahaya. Contoh-contoh tingkah laku yang ditunjuk oleh ketiga-tiga peserta kajian yang menggambarkan bahawa mereka tidak suka terhadap pengajaran guru adalah seperti membaring kepala di atas meja, berkhayal, berbual-bual dengan kawan dan sebagainya. Selain itu, ketiga-tiga peserta kajian juga tidak dapat menjawab soalan yang terdapat dalam lembaran kerja sehingga mereka menyalin jawapan murid lain. Justeru, dapat lihat ketiga-tiga peserta kajian adalah betul-betul tidak berminat terhadap PdP saya dalam topik Cahaya dan mempunyai tahap kefahaman yang amat rendah terhadap topik ini.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian saya adalah penggunaan teknik bercerita untuk meningkat minat dan kefahaman bagi ketiga-tiga peserta kajian saya dalam topik Cahaya Tahun Dua. Fokus kajian saya dipilih berdasarkan tiga kriteria utama iaitu kebolehtadbiran, kepentingan dan kolaborasi.

Pertama, bagi memastikan kebolehtadbiran saya terhadap kajian ini, saya telah menggunakan beberapa Bahan Bantu Mengajar (BBM) seperti bahan maujud, gambar, dan audio. Kesemua BBM ini mudah didapati daripada laman sesawang atau di sekeliling serta tidak mengambil banyak masa untuk dihasilkan. Dengan adanya BBM ini ia menghidupkan cerita saya dan sememangnya membantu murid lebih berminat dan faham terhadap apa yang saya ingin sampaikan. Selain itu, teknik bercerita juga membantu guru menggunakan masa yang minimum untuk mengajar sesuatu topik. Di sini, saya hanya menggunakan dua waktu (1 jam) untuk mengajar hampir setengah subtopik yang terdapat dalam topik Cahaya ini. Oleh itu, teknik bercerita ini sememangnya mempunyai tahap kebolehtadbiran yang amat tinggi.

Seterusnya, bagi kriteria kepentingan pula saya dapat lihat perubahan tingkah laku bagi ketiga-tiga peserta kajian adalah amat besar. Mereka mula bersifat aktif dalam PdP saya dan sanggup melibatkan diri dalam perbincangan dan aktiviti kumpulan. Di samping itu, teknik bercerita juga mampu meningkatkan amalan PdP

guru dalam kelas. Penggunaan teknik bercerita dalam PdP boleh meningkatkan minat murid untuk belajar dan secara langsung ia membantu murid berasa seronok untuk mendengar pengajaran guru tersebut. Lama-kelamaan, murid-murid akan mempunyai imej yang baik terhadap guru tersebut dan mampu memberi kerjasama semasa proses PdP berjalan.

Akhirnya, teknik bercerita juga mampu meningkat kriteria kolaborasi dalam PdP guru. Teknik ini mempunyai kuasa duplikasi yang amat tinggi kerana ia mudah diaplikasi dan diguna pakai oleh guru lain jika mereka ingin meminjam cerita yang tertentu untuk mengajar topik yang sama atau yang berlainan. Selain itu, teknik ini juga boleh dijalankan secara berkolaborasi dengan guru lain agar boleh saling membuat refleksi dan memberi penambahbaikan untuk meningkatkan amalan pengajaran sendiri serta secara langsung mengeratkan hubungan dengan guru lain agar melahirkan tempat pekerjaan yang harmoni.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Meningkatkan minat tiga orang murid tahun dua dengan menggunakan teknik bercerita dalam PdP topik Cahaya.
2. Meningkatkan kefahaman tiga orang murid tahun dua dengan menggunakan teknik bercerita dalam PdP topik Cahaya.

Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:

1. Bagaimana penggunaan teknik bercerita dapat meningkatkan minat tiga orang murid tahun dua dalam PdP topik Cahaya?
2. Sejauh manakah penggunaan teknik bercerita dapat meningkatkan kefahaman tiga orang murid tahun dua dalam PdP topik Cahaya?


KUMPULAN SASARAN

Dalam penyelidikan tindakan ini, tiga orang murid dalam kelas Tahun Dua telah dipilih sebagai peserta kajian saya iaitu seorang perempuan dan dua orang lelaki. Dalam ketiga-tiga peserta kajian ini dua lelaki adalah berbangsa cina dan satu lagi perempuan adalah berbangsa Iban. Mereka telah memperoleh markah yang rendah iaitu dalam lingkungan antara 30 hingga 50 markah dalam mata pelajaran Dunia Sains dan Teknologi (DST) semasa Peperiksaan Pertengahan Mac dan Jun 2017. Selain itu, melalui pemerhatian didapati ketiga-tiga peserta kajian ini adalah kurang minat belajar, pasif, kurang berkeyakinan, mudah hilang tumpuan, berkhayal dan tidak membuat latihan yang menyebabkan mereka berprestasi rendah dalam mata pelajaran Dunia Sains dan Teknologi.

PELAKSANAAN KAJIAN

Dalam kajian tindakan ini, saya menggunakan model kajian tindakan Lewis (1946) dan Laidlaw (1992) sebagai petunjuk untuk saya menjawab persoalan kajian ini. Saya telah mengamalkan empat langkah bagi setiap kitaran yang dikatakan dalam model ini antaranya adalah merancang (planning), bertindak (action), memerhati (observing) dan mereflek (reflecting). Setiap langkah ini membantu saya menjalankan tindakan dengan lebih lancar, sistemantik dan bermakna.

Sebelum mula menjalankan langkah tindakan, saya telah merancang satu RPH yang menggunakan teknik bercerita dalam proses PdP. Cerita yang saya sampaikan mempunyai langkah-langkah tertentu untuk membantu saya mencapai objektif pengajaran saya. Rajah 1 merupakan langkah-langkah untuk saya mengaplikasikan teknik bercerita dalam PdP topik Cahaya.



Rajah 1. Langkah-langkah Menggunakan Teknik Bercerita dalam Proses PdP

Selain itu, saya juga menggunakan bahan maujud dan bahan elektronik seperti audio untuk membantu saya semasa bercerita. Dengan adanya bahan bantu mengajar, pasti ia dapat menarik minat murid untuk mendengar, meningkatkan daya ingatan serta lebih dapat mengalami situasi cerita yang disampaikan (Emily, 2017). Di samping itu, saya menggunakan teknik 5W1H (siapa, bila, mengapa, bagaimana, dimana dan apa) untuk menyediakan soalan bagi dijawab oleh murid. Soalan ini adalah berkaitan konsep sains, jalan cerita, cara penyelesaian dan sebagainya. Dengan adanya persoalan semasa bercerita, ini akan meningkat penglibatan murid terhadap PdP guru dan menghasil hubungan pelbagai hala dalam kelas. Setelah habis bercerita, saya juga menerapkan serba sedikit unsur nilai murni dalam cerita supaya teknik bercerita menjadi lebih bermakna kepada murid.

Kedah Mengumpul Data

Jadual 2 menunjukkan kaedah dan alat pengumpulan data saya untuk mengkaji aspek minat dan kefahaman ketiga-tiga peserta kajian saya dalam memahami topik Cahaya.

Jadual 2

Kaedah Pengumpulan Data Selepas Langkah Tindakan.

Bil	Fokus Kajian	Kaedah Pengumpulan Data
1	Minat Murid	<ul style="list-style-type: none"> • Pemerhatian (Gambar) • Temu bual dengan Murid • Nota Lapangan
2	Kefahaman Murid	<ul style="list-style-type: none"> • Temu bual dengan Murid • Ujian • Nota lapangan

Kedah Analisis Data

a) Pemerhatian (Gambar)

Kaedah pengumpulan data ini adalah dibuat semasa penggunaan teknik bercerita dalam mengajar topik Cahaya dan diambil oleh guru pembimbing saya. Aspek-aspek yang saya memerhatikan dalam kajian ini adalah aspek minat murid dalam PdP guru dan respon murid semasa menjawab soalan. Gambar-gambar yang diambil telah dianalisis bersama dengan guru pembimbing saya berdasarkan mimik muka, pergerakan badan dan poster anggota-anggota badan ketiga-tiga peserta kajian ini.

b) Temu Bual Dengan Murid

Dalam keadah pengumpulan data ini, saya telah menggunakan temu bual secara tidak berstruktur kerana cara ini membolehkan saya memperolehi maklumat dengan lebih banyak, fleksibel dan lebih kritis (Akhiar dan Shamsina, 2011). Setelah menemu bual

dengan ketiga-tiga peserta kajian tersebut, saya telah menganalisis hasil temu bual untuk memahami perasaan mereka sepanjang kajian dijalankan dan menandakan perkara-perkara penting yang berhubung dengan persoalan kajian tindakan ini dalam transkrip temu bual saya.

c) Ujian

Bagi menganalisis data dalam ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan, analisis deskriptif seperti pengiraan markah secara peratusan telah dijalankan. Hasil analisis ujian juga telah dipersembahkan dalam bentuk jadual untuk membuat perbandingan dengan lebih jelas.

d) Nota Lapangan

Nota lapangan ini adalah dibuat oleh guru pembimbing saya semasa beliau menilai PdP saya dengan menggunakan teknik bercerita dalam topik Cahaya. Dengan bantuan daripada guru pembimbing, saya telah mengenal pasti dan mencatat data-data yang penting daripada nota lapangan. Seterusnya, saya menyusun semua maklumat yang penting dan mengketegorkan maklumat ini berdasarkan tema minat dan kefahaman.

Cara Menyemak Data

Dalam bahagian menyemak data, saya menggunakan kaedah triangulasi keadah, masa dan sumber. Dalam triangulasi keadah saya telah menggunakan pelbagai cara untuk menyemak data seperti keadah pemerhatian (gambar), temu bual dengan murid, nota lapangan, ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan untuk meninjau persoalan aspek minat dan kefahaman ketiga-tiga peserta kajian dalam topik Cahaya. Bagi triangulasi masa pula, saya membuat perbandingan data sebelum dan selepas kajian tindakan yang dilaksanakan. Dengan ini, perkembangan murid dapat diteliti dengan baik melalui triangulasi masa. Manakala bagi triangulasi sumber, saya memperolehi maklum balas daripada guru pembimbing. Beliau sentiasa memberi pandangan berdasarkan pengalaman kepada saya terhadap data-data yang dikutip supaya membolehkan saya memberi penjelasan yang rasional untuk menjawab persoalan kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Bagaimana penggunaan teknik bercerita dapat meningkatkan minat tiga orang murid tahun dua dalam PdP topik Cahaya?

Pemerhatian (Gambar)

Menurut Rajah 2 dan 3 di bawah menunjukkan minat ketiga-tiga peserta kajian telah meningkat semasa penggunaan teknik bercerita digunakan dalam PdP topik Cahaya. Mereka mula bersifat aktif dan sanggup melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh saya.



Rajah 2. Ketiga-tiga peserta kajian (bulatan merah) bersifat aktif dan sanggup memberi kerjasama kepada guru



Rajah 3. Murid C berlakon perwatakan cerita secara sukarela

Nota Lapangan

Saya telah menganalisis kandungan nota lapangan yang dicatat oleh guru pembimbing saya semasa pelaksanaan teknik bercerita untuk mengetahui sama ada terdapat peningkatan minat peserta kajian terhadap topik Cahaya. Rajah 4 adalah transkrip nota lapangan yang dibuat oleh guru pembimbing semasa beliau melihat PdP saya.

Nota Lapangan:

Satu PdP yang berjaya dan menyeronokkan. Saya dapat lihat semua murid melibatkan diri dalam PdP guru dengan baik daripada set induksi sampai ke langkah terakhir PdP. Selain itu, pengajaran guru adalah hubungan pelbagai hala yang menyebabkan murid sanggup memberi perhatian dalam PdP guru. Selain itu, guru juga ada memberi usaha untuk melibatkan murid-murid dalam PdP dengan pelbagai cara seperti menyelit soalan semasa bercerita untuk murid menjawab dan minta bantuan murid sebagai pelakon untuk melakon situasi cerita. Cara ini telah disambut baik oleh murid termasuklah ketiga-tiga peserta kajian dalam kajian tindakan ini. Mereka menjadi lebih aktif dan lebih memberi kerjasama kepada guru dan rakan-rakan sekelas. Secara keseluruhannya, saya dapat lihat ketiga-ketiga peserta kajian memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap PdP guru serta mempunyai keinginan yang amat tinggi untuk melibatkan diri dalam PdP.

Petunjuk:

■ Respon positif

Rajah 4. Transkrip nota lapangan terhadap penggunaan Teknik Bercerita dalam pengajaran Sains

Melalui hasil nota lapangan yang dibuat oleh guru pembimbing, saya dapat melihat teknik bercerita ini sememangnya disukai dan diminati oleh murid tidak kira sama ada murid yang pandai atau lemah. Antara tingkah laku yang menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian saya berminat terhadap penggunaan teknik bercerita dalam nota lapangan telah disenaraikan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Perbandingan pengkategorian data nota lapangan sebelum dan selepas langkah tindakan terhadap ketiga-tiga peserta kajian berasaskan aspek minat.

Kategori		Tema
Sebelum Langkah Tindakan	Selepas Langkah Tindakan	
<ul style="list-style-type: none"> • Murid-murid berasa bosan dan hilang tumpuan. • Berkhayal dalam kelas • Membaring kepala di atas meja • Buat kerja sendiri • Berbual-bual dengan kawan lain 	<ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan diri dalam PdP guru. • Memberi perhatian • Bersifat aktif • Memberi kerjasama kepada guru dan murid lain 	Minat meningkat

Merujuk kepada Jadual 3 dapatlah lihat perubahan tingkah laku bagi ketiga-tiga peserta kajian telah berubah dan mula berminat terhadap PdP saya selepas langkah tindakan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa teknik bercerita berjaya meningkatkan minat peserta kajian terhadap PdP guru dalam topik Cahaya.

Temu Bual Dengan Murid

Bagi analisis kandungan data temu bual secara kualitatif, saya telah memberi tumpuan kepada maklumat-maklumat penting dalam transkrip temu bual. Seterusnya, maklumat penting dikategorikan mengikut tema untuk menjawab soalan kajian. Rajah 10 merupakan transkrip temu bual dengan peserta kajian dan guru pembimbing berkaitan dengan aspek minat selepas langkah tindakan.

<p>Soalan 1 : Pernahkan guru lain gunakan cara bercerita semasa mengajar?</p> <p>Murid A : Tidak pernah.</p> <p>Murid B : Tidak pernah.</p> <p>Murid C : Tidak pernah.</p>	<p>Soalan 3 : Adakah anda ingin cikgu menggunakan cara bercerita untuk mengajar topik yang seterusnya?</p> <p>Murid A : Ya saya berharap kerana amat seronok.</p> <p>Murid B : Yeah, saya amat suka cikgu bercerita dengan kami. (tepuk tangan)</p> <p>Murid C : Ya, saya harapkan cikgu boleh guna lagi cerita untuk mengajar.</p>
<p>Soalan 2 : Jadi, adakah kamu berasa soronok semasa cikgu menggunakan cerita untuk mengajar?</p> <p>Murid A : Ya, saya berasa amat seronok kerana cerita cikgu menarik.</p> <p>Murid B : Ya, saya amat suka mendengar cerita dan dapat berlakon bersama dengan kawan.</p> <p>Murid C : Ya, saya berasa amat seronok kerana di rumah ibu jarang bercerita dengan saya.</p> <p>Petunjuk: <input checked="" type="checkbox"/> Respon positif</p>	<p>Petunjuk: <input checked="" type="checkbox"/> Respon positif</p>

Rajah 5. Transkrip temu bual dengan peserta kajian

Berdasarkan transkrip temu bual pada Rajah 5, saya mendapati bahawa ketiga-tiga peserta kajian tersebut menunjukkan minat terhadap pengajaran sains dengan menggunakan teknik bercerita. Mereka berasa seronok untuk belajar sains kerana ini adalah kali pertama mereka belajar melalui teknik bercerita yang dijalankan oleh guru. Selain itu, mereka juga ingin dan berharap guru akan menggunakan teknik bercerita lagi untuk mengajar topik yang akan datang. Oleh itu, penggunaan teknik bercerita dalam PdP amat digemari oleh ketiga-tiga peserta kajian dan ini memberi impak yang positif kepada mereka untuk belajar subjek Sains.

Sejauh manakah penggunaan teknik bercerita dapat meningkatkan kefahaman tiga orang murid tahun dua dalam PdP topik Cahaya?

Temu Bual Dengan Murid

Saya telah menjalankan temu bual dengan ketiga-tiga peserta kajian untuk meninjau aspek kefahaman mereka dalam topik Cahaya selepas langkah tindakan. Soalan-soalan temu bual yang disediakan untuk tujuan menguji kefahaman peserta kajian adalah berkaitan dengan konsep cahaya iaitu sumber cahaya dan bukan sumber cahaya serta kepentingan cahaya dalam kehidupan. Kandungan temu bual telah ditranskripkan untuk dianalisis secara manual bagi meninjau sejauh manakah teknik bercerita dapat meningkatkan kefahaman murid dalam PdP topik Cahaya seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.

Soalan 4 : Bolehkan memberi sumber cahaya yang terdapat dalam cerita guru?	Soalan 6 : Adakah bulan merupakan salah satu sumber cahaya? Kenapa?
Murid A : Matahari, api, lampu	Murid A : Tidak, cahaya bulan daripada matahari.
Murid B : Matahari, api, lampu meja	Murid B : Tidak, bulan pantul cahaya matahari.
Murid C : Matahari, api, lampu meja	Murid C : Tidak, cahaya bulan daripada matahari.
Soalan 5 : Sila beri satu lagi contoh sumber cahaya yang tidak dinyatakan dalam cerita guru.	Soalan 7 : Jika tiada sumber cahaya dalam dunia ini, apa akan berlaku?
Murid A : Kellip-kellip	Murid A : Kemalangan berlaku kerana tidak dapat lihat.
Murid B : Lampu Telefon Bimbit	Murid B : Tidak boleh membuat kerja rumah pada waktu malam.
Murid C : Lampu Isyarat	Murid C : Sejuk dan lapar kerana tidak ada api.

Rajah 6. Transkrip temu bual dengan peserta kajian

Dengan merujuk kepada Rajah 6, kita dapat lihat ketiga-tiga peserta kajian dapat memberi contoh dan penjelasan yang betul terhadap konsep sumber cahaya dan bukan cahaya serta kepentingan sumber cahaya kepada kehidupan seharian manusia.

Ujian


Ujian kesan tindakan yang digunakan adalah set soalan yang sama dengan ujian awal pencapaian. Markah ujian kesan tindakan bagi ketiga-tiga peserta kajian telah dianalisis secara deskriptif statistik untuk meninjau kefahaman mereka dalam topik Cahaya. Jadual 4 menunjukkan perbandingan keputusan ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan bagi ketiga-tiga peserta kajian saya.

Jadual 4

Perbandingan Keputusan Ketiga-Tiga Peserta Kajian Dalam Ujian Awal Pencapaian dan Ujian Kesan Tindakan.

Peserta Kajian	Bilangan Soalan Dijawab Betul		Peningkatan (%)
	Ujian Awal Pencapaian (%)	Ujian Kesan Tindakan (%)	
Murid A	3/12 (25.00)	11/12 (91.67)	66.67
Murid B	4/12 (33.33)	12/12 (100.00)	66.67
Murid C	2/12 (16.67)	12/12 (100.00)	83.33

Berdasarkan Jadual 4, ketiga-tiga peserta kajian telah mendapat markah yang amat baik dalam ujian kesan tindakan ini terutamanya bagi Murid B dan Murid C yang mendapat markah penuh. Segala data-data yang ditunjuk dalam Jadual 4 telah dipersembahkan dalam bentuk carta bar untuk memudahkan membuat perbandingan antara pencapaian peserta kajian dalam ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan seperti yang ditunjuk dalam Rajah 7.



Rajah 7. Carta Bar Perkembangan Prestasi Peserta Kajian

Merujuk kepada Rajah 7, kita dapat lihat dengan jelasnya bahawa kefahaman ketiga-tiga peserta kajian terhadap topik Cahaya telah meningkat dengan ketara terutamanya bagi Murid C yang meningkat sebanyak 83.33%. Oleh itu, dapat dilihat bahawa teknik bercerita ini sememangnya dapat membantu murid meningkatkan kefahaman dalam topik Cahaya.

Nota Lapangan

Nota lapangan adalah kaedah terakhir yang saya gunakan untuk mengkaji kefahaman murid dalam topik Cahaya selepas intervensi. Nota lapangan ini dicatat oleh guru pembimbing saya semasa dan selepas langkah tindakan dijalankan. Rajah 8 adalah transkrip nota lapangan yang dibuat oleh guru pembimbing setelah beliau melihat PdP saya.

	<p>Nota Lapangan:</p> <p>Semasa Langkah Tindakan Dijalankan</p> <p>Teknik Bercerita yang digunakan oleh guru mempunyai sifat pelbagai hala. Semasa guru menanya soalan untuk murid menjawab bagi meneruskan cerita, ketiga-tiga peserta kajian telah angkat tangan untuk menjawab soalan guru. Jawapan yang mereka beri juga adalah betul. Selain itu, mereka juga mula bergaul dengan murid lain untuk bersama-sama membincang jawapan untuk menjawab soalan guru.</p> <p>Selepas Langkah Tindakan Dijalankan</p> <p>Semasa guru minta murid membuat imbas kembali terhadap cerita guru, ketiga-tiga peserta kajian boleh menceritakan lagi dengan betul dan penuh yakin. Apabila guru minta mereka menyenaraikan contoh-contoh sumber cahaya yang terdapat dalam cerita guru, ketiga-tiga peserta kajian boleh memberi jawapan dengan tepat sekali dan mampu mengkaitkan penggunaan bahan tersebut dalam kehidupan seharian. Selain itu, mereka mempunyai semangat yang kuat untuk kongsi cerita ini kepada kawan mereka yang di kelas lain semasa waktu rehat.</p> <p>Petunjuk:</p> <p>■ Respon positif</p>	
--	---	--

Rajah 22. Transkrip nota lapangan terhadap penggunaan Teknik Bercerita dalam pengajaran Sains

Saya telah membaca catatan dalam nota lapangan secara berulang untuk mendapatkan gambaran umum bagi tujuan interpretasi. Seterusnya, dengan bantuan guru pembimbing, kami bersama-sama melabelkan perkara-perkara penting dan mengkategorikan dengan tema yang sesuai iaitu berkaitan dengan kefahaman. Jadual 5 menunjukkan pengkategorian data tentang tema kefahaman peserta kajian selepas kajian tindakan.

Jadual 5

Perbandingan pengkategorian data nota lapangan sebelum dan selepas langkah tindakan terhadap ketiga-tiga peserta kajian berasaskan aspek kefahaman.

Kategori		Tema
Sebelum Langkah Tindakan	Semasa dan Selepas Langkah Tindakan	
<ul style="list-style-type: none"> • Murid yang pandai sahaja memberi respon • Menggelengkan kepala • Memberi jawapan salah • Tidak boleh menjawab soalan lembaran kerja • Menyalin jawapan murid lain 	<ul style="list-style-type: none"> • Angkat tangan untuk menjawab soalan guru dengan memberi jawapan yang betul. • Melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan. • Boleh memberi contoh yang betul terhadap bahan sumber cahaya. • Dapat membuat imbas kembali terhadap cerita guru. 	Kefahaman meningkat

Jadual 5 menunjukkan bahawa kefahaman ketiga-tiga peserta kajian dalam topik Cahaya telah meningkat selepas langkah tindakan dijalankan. Mereka mula memberi respon, bersifat inisiatif untuk melibatkan diri dalam perbincangan dan memberi contoh yang betul. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa kefahaman bagi ketiga-tiga peserta kajian telah meningkat selepas langkah tindakan dilaksanakan.

REFLEKSI

Kajian tindakan ini telah memberikan peluang kepada saya untuk meninjau kesan penggunaan teknik bercerita bagi meningkatkan minat dan kefahaman peserta kajian. Selepas teknik ini dilaksanakan, peserta kajian menjadi lebih berminat, aktif, memberi fokus dan sanggup melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan. Selain itu, saya juga dapat lihat kefahaman bagi ketiga-tiga peserta kajian dalam topik Cahaya juga meningkat. Mereka tidak lagi menyalin jawapan kawan lain dan boleh menjawab semua soalan yang terdapat dalam ujian kesan tindakan saya. Di samping itu, kajian tindakan ini turut memberi peluang kepada saya untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran profesional saya sebagai seorang guru. Saya telah dilatih untuk membuat refleksi sendiri, berfikiran terbuka dan sentiasa prihatin terhadap kehendak murid supaya PdP yang dirancang adalah bersesuaian dan efektif untuk murid. Kesimpulannya, kajian tindakan ini bukan sahaja membantu para peserta kajian saya untuk berminat dalam subjek Sains, maka ia juga banyak memberi manfaat kepada saya sebagai seorang guru sains yang agar saya sentiasa bersedia untuk membantu murid-murid yang bermasalah akademik dan peribadi dalam kelas.

CADANGAN KAJIAN TINDAKAN

Tidak dapat dinafikan bahawa teknik bercerita sememangnya membantu saya dalam meningkatkan minat dan kefahaman ketiga-tiga peserta kajian saya dalam topik Cahaya. Namun, teknik ini masih boleh dinambahbaikkan supaya ia menjadi lebih berkesan untuk digunakan dalam PdP seterusnya. Antara cadangan yang boleh saya berikan adalah boleh cuba bergabung dengan penggunaan bahan ICT seperti slaid powerpoint dan video-video pendek supaya ia lebih menarik perhatian murid dan memudahkan guru membuat penjelasan tentang konsep-konsep sains. Selain itu, saya juga ingin menggunakan teknik bercerita ini untuk mengajar topik sains lain seperti ciri-ciri haiwan, kitaran air, fasa-fasa bulan dan sebagainya. Hal ini kerana, konsep-konsep sains yang kita belajar adalah mempunyai hubungan yang amat rapat dalam kehidupan seharian manusia. Jadi, apabila ia disampaikan dalam bentuk cerita maka akan membantu murid menerima ilmu secara optimum dan seronok.

RUJUKAN

- Akhiar, P & Shamsina, S. (2011). Pengantar Penyelidikan Tindakan dalam Penyelidikan Pendidikan. Selangor: PENERBITAN MULTIMEDIA SDN.BHD.
- Aziz Nordin & Lin, H.L. (2011). Hubungan sikap terhadap mata pelajaran sains dengan penguasaan konsep asas sains pelajar tingkatan dua. *Journal of Science & Mathematics Educational*, 2, 89-101.
- Emily, M. S. (2017). The Art of Storytelling. Diakses daripada: <http://www.history.org/history/teaching/enewsletter/volume2/february04/teachstrategy.cfm>
- Min, Y. O. (2010). Perbezaan Individu. Diakses daripada: <https://www.scribd.com/document/37532070/perbezaan-individu>